



## **SOALAN LAZIM PROGRAM SAVE 2.0: PLATFORM E-DAGANG (SHOPEE)**

### **1. Adakah Program SAVE 2.0 terhad kepada Shopee sahaja?**

Permohonan dan penebusan melalui platform e-dagang hanya terhad kepada Shopee atau Lazada sahaja. Manakala pembelian secara terus pula hanya terhad kepada pekedai/peruncit peralatan elektrik (penyaman udara dan peti sejuk) seluruh Malaysia yang berdaftar dengan SEDA Malaysia sahaja.

### **2. Bagaimanakah untuk melihat keputusan permohonan e-Rebat RM200?**

Permohonan dan penebusan melalui e-dagang (Shopee), keputusan permohonan akan mengambil masa selama 14 hari atau dua minggu hari bekerja.

### **3. Adakah terdapat tarikh luput untuk penebusan e-Rebat bagi Platform e-dagang (Shopee)?**

Keputusan permohonan melalui Shopee akan mengambil masa selama 14 hari atau dua minggu hari bekerja. Jika berjaya, tuan/puan akan menerima e-Rebat RM200 di akaun Shopee. Untuk makluman, tempoh sah e-Rebat tersebut adalah 30 hari sahaja.

### **4. Bolehkah e-Rebat RM200 dipindah milik ?**

E-Rebat ini tidak boleh dipindah milik.

**5. Jika saya telah memohon e-Rebat RM200 melalui Shopee tetapi saya sekarang ingin memohon dan menebus e-Rebat RM200 melalui Pekedai/Peruncit, adakah ini dibenarkan?**

Sekiranya tuan/puan telah pun membuat permohonan dan **telah menerima e-Rebat RM200 melalui Shopee**, tuan/puan hendaklah membuat penebusan menerusi Shopee.

Sekiranya tuan/puan **belum menerima e-Rebat RM200 melalui Shopee**, tuan/puan boleh terus berkunjung ke Pekedai/Peruncit Peralatan Elektrik yang berdaftar dengan SEDA Malaysia untuk menebus e-Rebat dan membuat pembelian.

**6. Saya berminat untuk menyertai Program SAVE 2.0 dan mendapatkan e-Rebat RM200, tetapi saya tidak dapat membuat pembelian melalui Shopee kerana tiada pilihan penghantaran (*delivery*) untuk kawasan di Sabah dan Sarawak. Apakah jalan penyelesaian untuk saya?**

Program SAVE 2.0 merangkumi kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan juga Sarawak. Pada masa ini, pihak Pekedai/Peruncit Peralatan Elektrik yang berdaftar dengan Shopee tidak dapat menghantar alat penyaman udara atau peti sejuk kepada pengguna di Sabah dan Sarawak.

Walaupun bagaimanapun, **terdapat 34 Pekedai/Peruncit Peralatan Elektrik yang berdaftar dengan SEDA Malaysia di Sabah, dan 43 di Sarawak**. Senarai kedai berdaftar ini akan bertambah dari masa ke semasa.

Sila rujuk laman sesawang SEDA Malaysia, [www.saveenergy.gov.my](http://www.saveenergy.gov.my) untuk senarai Pekedai/Peruncit berdaftar.

**7. Apakah perbezaan utama dari segi masa yang diambil untuk memproses permohonan e-Rebat RM200 antara Pekedai/Peruncit Peralatan Elektrik yang berdaftar dan e-dagang (Shopee)?**

Untuk pembelian di Pekedai/Peruncit Peralatan Elektrik yang berdaftar, keputusan permohonan e-Rebat RM200 akan diberi terus semasa proses pembelian tersebut. Manakala untuk e-dagang (Shopee) pula, keputusan

permohonan e-Rebat RM200 akan mengambil masa selama 14 hari atau dua minggu (hari bekerja).

**8. Sekiranya saya mengalami masalah, bagaimanakah cara saya untuk menghubungi pegawai bagi program SAVE 2.0?**

Anda boleh menghubungi pegawai tersedia kami di SEDA Malaysia seperti berikut:

**Pasukan Khas Program SAVE 2.0**  
**Bahagian Pembangunan dan Fasilitasi Teknikal**  
**SEDA Malaysia**  
**03-8870 5800**  
**[www.saveenergy.gov.my](http://www.saveenergy.gov.my)**